



Lembaga Sungai-Sungai Sarawak mempelawa pemohon daripada warganegara Malaysia yang bermastautin di Sarawak dan berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan, yang berkelayakan dan memenuhi syarat-syarat pelantikan bagi mengisi kekosongan jawatan berikut:-

1. Jawatan : **PEGAWAI PENGUAT KUASA, GRED KP41**
- Bil. Iklan : 01/2019
- Bil. Kekosongan : Satu (1) kekosongan
- Kumpulan Perkhidmatan : Pengurusan dan Professional
- Klasifikasi Perkhidmatan : Keselamatan dan Pertahanan Awam
- Jadual Gaji : 

<u>Gred Gaji</u>	<u>Gaji Minimum</u>	<u>Gaji Maksimum</u>
KP41	RM2,081.00	RM9,547.00
- Taraf Jawatan : Tetap / Jawatan Berasaskan Caruman
- Tempoh Percubaan : 1 hingga 3 tahun
- Syarat Lantikan:
- A. (i) Ijazah Sarjana Muda yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada Institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan (Gaji permulaan ialah pada Gred KP41: RM2,081.00); atau
- (ii) bekas anggota polis atau tentera yang sekurang-kurangnya berpangkat Inspektor Polis atau Leftenan Muda atau yang setaraf dengannya dan telah disahkan dalam jawatan tersebut serta mempunyai rekod perkhidmatan yang baik. (Gaji permulaan ialah pada Gred KP41: RM2,081.00); atau
- (iii) Ijazah Sarjana Muda kepujian yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada Institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya (Gaji permulaan ialah pada Gred KP41: RM2,285.00); atau
- (iv) Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada Institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya (Gaji permulaan ialah pada Gred KP41: RM2,387.21);
- B. mempunyai syarat-syarat ukuran fizikal dan pancaindera seperti yang berikut:
- (i) tinggi sekurang-kurangnya 1.57m bagi lelaki dan 1.3m bagi wanita tanpa bersepatu;
- (ii) berat badan sekurang-kurangnya 48kg bagi lelaki dan 46kg bagi wanita;
- (iii) mempunyai ukuran Indeks Jisim Badan (BMI) di antara julat 19 hingga 26;
- (iv) mempunyai sekurang-kurangnya 79sm ukuran dada biasa dan 84sm semasa menarik nafas (lelaki sahaja);
- (v) lulus dalam ujian penglihatan bagi mata kiri dan kanan yang diuji berasingan dengan ketetapan V6/9 tanpa menggunakan cermin mata;
- (vi) pengecaman warna dan pendengaran yang tidak cacat;
- (vii) pandai berenang; dan
- (viii) diperiksa dan diperakui sihat untuk berkhidmat oleh Pegawai Perubatan Kerajaan.
- C. calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kejujuran (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/ Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
- Syarat Peningkatan Secara lantikan : Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Penolong Pegawai Penguat Kuasa adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Pegawai Penguat Kuasa Gred KP41, tertakluk kepada kekosongan Jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:
- (a) (i) mempunyai kelayakan di perenggan A; atau
- (ii) lulus Peperiksaan Khas; atau
- (b) Had umur perlantikan;
- (i) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau
- (ii) berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau
- (iii) berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun
- Skim Perkhidmatan : Pegawai – pegawai yang memasuki perkhidmatan Pegawai Penguatkuasa, Gred KP41, adalah tertakluk di bawah skim perkhidmatan tersebut yang sedang berkuatkuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.

A. Cara Memohon:

- Semua permohonan hendaklah menggunakan Borang Permohonan Untuk Jawatan Kosong LSS (Borang – Pindaan 1/06) yang boleh didapati di Pejabat Lembaga Sungai-Sungai Sarawak.
- Semua permohonan hendaklah disertakan dengan salinan Sijil Kelahiran, salinan Kad Pengenalan, salinan Sijil-sijil Persekolahan dan Akademik serta dokumen-dokumen lain yang berkaitan yang disahkan.
- Permohonan daripada pegawai-pegawai yang sedang berkhidmat dalam Perkhidmatan Awam, Badan Berkanun atau Kuasa-kuasa Tempatan hendaklah mengemukakan permohonan mereka melalui Ketua Jabatan masing-masing dengan disertakan bersama salinan-salinan Kenyataan Perkhidmatan yang terkini dan Laporan Prestasi yang disahkan.
- Di sudut atas sebelah kiri sampul surat hendaklah ditulis nama jawatan yang dipohon.

B. Catatan Am:

- Permohonan yang berikut tidak akan dipertimbangkan:-
  - tidak lengkap;
  - tidak memenuhi syarat-syarat kelayakan seperti yang ditetapkan dalam iklan; dan
  - diterima lewat dari tarikh yang ditetapkan.
- Hanya pemohon-pemohon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk ujian fizikal, ujian bertulis dan temuduga.
- Pemohon-pemohon yang tidak menerima jawapan selepas tiga (3) bulan dari tarikh tutup iklan hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.

C. Permohonan yang lengkap hendaklah dialamatkan kepada:-

**CONTROLLER,  
LEMBAGA SUNGAI-SUNGAI SARAWAK  
TINGKAT 2, ELECTRA HOUSE,  
POWER STREET, 93000 KUCHING**

**Tarikh Tutup: 08 APRIL 2019 (ISNIN)**